

Bil. 11 Tahun 2023**November 2023****HARI PSIKOLOGI PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP)**

PUTRAJAYA, 21 November 2023 – Hari Psikologi telah diadakan di Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) dan seramai 150 orang ahli AKRAB seluruh Malaysia dengan gabungan pegawai yang telah menghadiri program ini. Program ini juga telah dilaksanakan selama satu hari yang melibatkan sesi ceramah pada sebelah pagi, pameran dan Majlis Perasmian dan Pentauliahan AKRAB PKPMP pada sebelah petang.

Antara Objektif untuk program ini adalah :

- Meningkatkan kesedaran berkaitan kepentingan menjaga kesihatan mental, emosi, fizikal dan social.
- Berkongsi kemahiran mengurus diri dan membantu rakan sekerja.
- Mengangkat perkhidmatan psikologi dan AKRAB agar dijadikan salah satu saluran dalam membantu terutama berkaitan isu kerjaya dan kesihatan.



BULETIN @ PSIKOLOGI
BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

**HARI PENTAULIAHAN AKRAB, PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP)**

PUTRAJAYA, 21 November 2023 – Seramai 71 orang yang telah lulus dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang disampaikan oleh YAA Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara dan bagi menyediakan medium perantaraan untuk memberi peluang kepada pegawai berfungsi secara efektif dalam usaha membantu Pengurus Sumber Manusia di agensi. Selain daripada itu juga, gimik perasmian pelancaran portal e-Psikologi yang telah dijalankan merupakan simbolik kepada perasmian Hari Psikologi dan Majlis Pentaulahan AKRAB Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP).



Buletin @ Psikologi
Buletin Psikologi & AKRAB PKPMP

Bil. 11 Tahun 2023

November 2023

Kesejahteraan Pekerja

Peranan Aktiviti Fizikal & Ruang Rehat

Aktiviti fizikal bukan hanya rutin senaman harian, ia adalah kunci untuk membuka pintu kreativiti dan kepuasan di tempat kerja. Transformasikan senaman menjadi cabaran menyeronokkan, memberikan energi positif pada hari-hari kerja. Selain itu, membuaikan idea reka bentuk ruang rehat yang unik dan menyenangkan, dari tanaman hiasan yang menenangkan hingga perabot yang memberikan keselesaan.

Sebagaimana keceriaan matahari dan kesejukan hujan menyegarkan bumi, begitu juga aktiviti fizikal dan ruang rehat yang kreatif adalah pancaran energi yang menyuburkan semangat pekerja. Dengan mengasah kesejahteraan, kita membina ladang produktiviti yang subur dan penuh berbunga-bunga di tempat kerja!

